

Dengar tazkirah atas bumbung

17 Mei 2017



Dengar tazkirah atas bumbung

■ Penagih serah diri selepas sembunyi hampir 7 jam

LELAKI dipercayai penagih dadah bersembunyi di atas bumbung rumah penduduk untuk elak ditahan polis.

Siti Nor Hidayatidayu Razali
sitinor@hmetro.com.my

Kota Bharu

Insaf selepas mendengar tazkirah dan nasihat daripada ahli keluarga selepas solat Asar, seorang lelaki dipercayai penagih dadah yang menyembunyikan diri di atas bumbung rumah penduduk hampir tujuh jam, menyerah diri kepada polis.

Lelaki berusia 30-an itu menyerah diri jam 5.20 pe-

tang selepas melarikan diri daripada ditahan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Kota Bharu jam 11 pagi semalam.

Suspek melarikan diri ketika serbuan di sebuah rumah di Kampung Kedai Buloh, Jalan PCB.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kelantan Asisten Komisioner Mohd Fakri Che Sulaiman berkata, ketika diserbu, lelaki itu bersama tiga rakan

berada di dalam rumah berkenaan.

“Kita dapat menahan tiga rakannya, namun lelaki itu sempat melarikan diri de-

ngan menanjat bumbung rumah penduduk.

“Anggota polis yang bertugas cuba memujuk le-

laki itu supaya turun kerana tidak mahu dia

cedera, namun tidak berjaya. Kita juga mendapatkan bantuan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Kota Bharu dan ahli keluarga.

“Hampir tujuh jam memujuk termasuk ahli keluarga yang menggunakan kaedah nasihat dan tazkirah, akhirnya dia menyerah diri,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Menurutnya, lelaki itu ditahan dan siasatan lanjut akan dijalankan mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952.

FAKTA
Ketika serbuan lelaki itu bersama tiga rakan berada di dalam rumah

